

RM20 juta atasi banjir di Lenggong

Lenggong: Masalah banjir yang kerap berlaku di Parlimen Lenggong, Perak, berikutan pembangunan tanah di hulu Sungai Perak dijangka diatasi dengan kerja mendalamkan dan melebarkan sungai utama di daerah itu.

Ia sebahagian daripada penyelesaian menyeluruh masalah banjir di Perak melalui Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Perak Fasa 1 dengan peruntukan keseluruhan RM250 juta.

Timbalan Menteri Sumber Asli

dan Alam Sekitar, Datuk Dr Hamim Samuri, berkata pembangunan itu membabitkan beberapa anak sungai utama di Lenggong, terutama Sungai Kenderong, selain beberapa kawasan sekitar yang dikatakan penyebab berlaku banjir di kawasan itu.

"Kerja menaik taraf Sungai Kenderong, termasuk melebar serta mendalamkan sungai, membina ban, penambahan pemetung dan pembinaan struktur pengukuhan tebing di beberapa kawasan.

Bincang peranan, masalah

"Pegawai daerah, wakil rakyat serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pertanian akan berbincang bagi masalah itu berdasarkan peranan masing-masing," katanya pada sidang media selepas meninjau Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Gerik Fasa 1 di sini semalam.

Hamim berkata, RTB Gerik Fasa 1 itu meliputi kerja menaik taraf Sungai Kenderong sepanjang 2,350 meter dengan peruntukan RM20 juta.

"JPS mempunyai pelbagai program, termasuk Manual Saliran Mesra Alam Malaysia (MSMA) dan sistem pengurusan air bersepadu bagi mengatasi masalah banjir.

"Bagaimanapun, dalam masa terdekat, JPS diminta menyediakan senarai mengikut keutamaan yang akan diserahkan kepada wakil rakyat untuk dilengkapkan mengenai apa sahaja aduan daripada masyarakat setempat berkaitan banjir terutama kawasan yang perlu mendapat perhatian segera," katanya.



Dr Hamim Samuri